

21/12/2001

PM harap negara terus aman, rakyat bersatu

Johari Ibrahim

CHANGLUN, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyambut ulang tahun kelahirannya ke-76 hari ini, berharap negara akan terus aman dan rakyat kekal bersatu.

Perdana Menteri juga berharap Malaysia akan terus membangun tanpa permusuhan dan perkelahian di kalangan rakyatnya.

Dr Mahathir yang dilahirkan pada 20 Disember 1925 di Seberang Perak, Alor Star, Kedah, berkata: "Harapan saya ialah supaya negara ini dapat terus aman, kita dapat membangun dengan baik, tidak ada permusuhan dan perkelahian... itulah harapan kita."

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis perkahwinan Naritashema Samsuddin, 23 dengan Syed Mohd Rizan Syed Nordin, 24. di Felda Batu 8 di sini, hari ini. Pengantin perempuan ialah anak Setiausaha Umno Bahagian Kubang Pasu, Samsuddin Ahmad.

Ditanya mengenai sambutan khusus atau majlis doa selamat sempena hari jadinya itu, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak pernah buat sambutan bagi diri saya, tapi orang lain yang sambut. Doa selamat buat sendiri sudahlah."

Beliau juga berkata, tidak ada apa-apa harapan untuk dirinya sendiri sempena hari jadinya itu kerana tarikh berkenaan dianggap sama dengan hari lain.

Terdahulu, Dr Mahathir mengulangi pendirian kerajaan Malaysia untuk menghantar pulang pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF), Nur Misuari, ke negaranya.

Beliau berkata, Malaysia sudah berjanji menghantar Misuari pulang dan kerajaan tidak boleh memungkiri janji itu.

Katanya, kerajaan perlu tegas dalam menangani isu itu kerana Malaysia juga akan menghadapi masalah sama jika rakyatnya yang terbabit dengan keganasan di negara ini, lari ke negara lain.

"Kita telah berjanji kalau ada orang yang terbabit dengan keganasan, masuk negara kita, kita akan tahan dan hantar balik...itu janji kita. Kita tidak boleh mungkir janji," katanya.

Ditanya sama ada tindakan tegas yang beliau maksudkan ialah menghantar Misuari pulang ke Filipina, Dr Mahathir berkata: "Ya."

Beliau diminta mengulas laporan agensi berita Reuters semalam yang memetik peguam Misuari, Elly Pamatong, sebagai berkata, pihaknya menghantar surat kepada Perdana Menteri memohon diberi suaka politik sementara kepada pemimpin MNLF itu.

Dr Mahathir berkata, kerajaan bersedia mengkaji permohonan itu tetapi setakat ini beliau belum melihat surat berkenaan.

(END)